



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN**

---

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2021**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN  
SEJARAH  
Kertas 2**

---

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **29** halaman bercetak

**Bahagian A**

1. Idea nasionalisme tidak sama antara negara dengan zaman kerana idea tersebut berkait rapat dengan pengalaman sejarah dan pengaruh sekeliling seperti keturunan, agama, bahasa dan adat resam.

<b>Soalan</b>	<b>Perincian</b>		<b>Markah</b>
1 (a)	Apakah maksud nasionalisme?		
	F1	Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara.	1
	F2	Semangat kebangsaan	1
	F3	Sikap/ pendekatan berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan	1
	F4	Pembelaan terhadap bangsa/ negara	1
	F5	Gerakan untuk mencapai kebebasan politik/ ekonomi/ sosial daripada penguasaan asing	1
	F5	Kesetiaan seseorang hanya kepada negara atau bangsanya	1
	F6	Kesedaran dan ketegasan diri	1
	F7	Menzahirkan suatu bangsa yang lebih tegap/ kuat/ boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri/ mengambil tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa yang lain yang tegap dan bersatu	1
	F8	Menebus/ merebut/ merampas kembali hak mutlak bangsa kita	1
	F9	Menubuhkan negaranya sendiri/ memindahkan kedaulatan kepada rakyat	1
	F10	Kesetiaan kepada raja/ faham kebangsaan yang bersifat ke ‘Tanah Melayuan’	1
	F11	Perjuangan orang Melayu mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri	1
	M.s 22	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

Soalan	Perincian		Markah
1 (b)	Bagaimanakah peranan agama menyumbang kepada kemunculan gerakan nasionalisme pada abad ke-20?		
	F1	Pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir	1
	F2	Terdekah dengan falsafah perjuangan Gerakan Islah	1
	F3	Pimpinan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani/ Sheikh Muhammad Abduh/ Rashid Rida	1
	F4	Menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar	1
	F5	Berpandukan al-Quran dan Hadis	1
	F6	Menentang imperialism Barat di negara Islam	1
M.s. 34	[Mana-mana 3 x 1 m]		[3 m]

Soalan	Perincian		Markah
1 (c)	Semangat nasionalisme perlu diterapkan dalam kalangan warganegara Malaysia. Pada pendapat anda, apakah kesan sekiranya warganegara Malaysia tidak mempunyai semangat nasionalisme?		
	F1	Politik negara tidak stabil	1
	F2	Berlakunya rasuah/ korupsi	1
	F3	Keharmonian negara terjejas	1
	F4	Rakyat hidup dalam keadaan huru hara	1
	F5	Rakyat berpecah belah	1
	F6	Kedaulatan/ kemerdekaan negara tergugat	1
	F7	Campur tangan kuasa asing	1
	F8	Masyarakat akan hilang jati diri	1
	F9	Minda akan mudah dijajah	1
	F10	Terpengaruh dengan budaya luar/ asing/ Barat (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]		[4 m]

- 2** Serangan tentera Jepun bermula di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941 manakala di Sarawak dan Sabah bermula pada 16 September 1941.

<b>Soalan</b>	<b>Perincian</b>		<b>Markah</b>
<b>2 (a)</b>	Apakah tujuan kedatangan Jepun ke negara kita?		
	F1	Memenuhi keperluan ekonomi	1
	F2	Mengeksplorasi sumber bahan mentah	1
	F3	Tanah Melayu pengeluar utama bijih timah/ getah/ emas/ bijih besi/ arang batu/ bauksit	1
	F4	Keperluan perindustrian	1
	F5	Miri/ Lutong di Sarawak menjadi sasaran utama untuk dapatkan sumber minyak	1
	F6	Sebahagian rancangan membentuk Kawasan Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya	1
	F7	Kepentingan strategik ketenteraan	1
	F8	Kedudukan negara kita yang strategik	1
	F9	Di hujung Semenanjung Tanah Melayu terletak pangkalan tentera laut British	1
	F10	Penting untuk buka laluan penguasaan telaga minyak di Sumatera	1
	M.s. 68	[Mana-mana 2 x 1 m]	<b>[2 m]</b>

<b>Soalan</b>	<b>Perincian</b>		<b>Markah</b>
<b>2 (b)</b>	Jelaskan dasar pentadbiran Jepun di 2(a).		
	F1	Melaksanakan pentadbiran tentera Jepun	1
	F2	Peringkat awal Tanah Melayu digabungkan dengan Sumatera	1
	F3	Tujuannya membentuk Kawasan pertahanan khas di Singapura	1
	F4	Tanah Melayu dan Sumatera diasingkan pada tahun 1944	1
	F5	Tanah Melayu ditadbir oleh pasukan tentera Jepun ke-29 yang berpusat di Taiping	1
	F6	Tanah Melayu dikenali sebagai Malai Baru/ Melayu Baru	1
	F7	Pentadbiran Singapura diasingkan	1
	F8	Singapura dikenali sebagai Syonan-to/ Pulau Cahaya Selatan	1
	F9	Perlis/ Kedah/ Kelantan/ Terengganu di bawah pentadbiran Thailand	1
	F10	Sarawak, Sabah dan Brunei digabungkan menjadi satu unit pentadbiran	1
	F11	Dikenali Kita Boruneo	1
	F12	Diketuai Gabenor Jeneral di bawah pasukan tentera Jepun ke-37 di Kuching	1
	F13	Mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu	1
	F14	Sebagai ketua agama Islam/ adat istiadat Melayu	1

	F15	Sultan diberi bayaran pencen	1
	F16	Diletakkan di bawah pengawasan Gabenor Jepun	1
	F17	Memberi peluang pemimpin tempatan terlibat dalam pentadbiran	1
	F18	Bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai	1
	F19	Serta mendapatkan sokongan penduduk tempatan	1
	F20	Menubuhkan Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda/Koa Kunrenjo	1
	F21	Ditubuhkan di Singapura/ Melaka/ Pulau Pinang	1
	F22	Lulusan diberi jawatan dalam pentadbiran	1
	F23	Melatih/ menanam semangat memperjuangkan cita-cita politik Jepun	1
	F24	Kempetai/ pasukan polis ditubuhkan untuk menjaga kepentingan pentadbiran tentera Jepun	1
	F25	Bertindak ganas/ kejam/ menyeksa/ membunuh sesiapa yang disyaki sebagai antipentadbiran Jepun	1
M.s.70-71		[Mana-mana 4 x 1 m]	<b>[4 m]</b>

Soalan	Perincian		Markah
2 (c)	Pada pandangan anda, apakah iktibar yang diperoleh daripada pendudukan tentera Jepun di negara kita?		
	F1	Sentiasa berwaspada terhadap kuasa asing	1
	F2	Sanggup berkorban untuk negara	1
	F3	Berani mempertahankan kemerdekaan negara	1
	F4	Perpaduan penting dalam mengekalkan kedaulatan negara	1
	F5	Mempunyai pemimpin yang berwibawa	1
	F6	Kerjasama yang erat antara pemimpin dan rakyat	1
	F7	Bijak merancang strategi	1
	F8	Melahirkan masyarakat yang kreatif/ inovatif (Mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Mana-mana 4 x 1 m]	<b>[4 m]</b>

- 3** Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting untuk memastikan segala usaha pembangunan dapat memberikan manfaat demi kesejahteraan rakyat di seluruh negara.

<b>Soalan</b>	<b>Perincian</b>		<b>Markah</b>
<b>3 (a)</b>	Nyatakan bidang kuasa :		
	(i) Senarai Persekutuan		
	F1	Hal ehwal luar negeri	1
	F2	Pertahanan	1
	F3	Keselamatan dalam negeri	1
	F4	Pentadbiran keadilan	1
	F5	Kewarganegaraan	1
	F6	Perhubungan/ pengangkutan	1
	F7	Pelajaran	1
	F8	Perubatan/ kesihatan	1
	M.s. 69	[Mana-mana 1 x 1 m]	<b>[1 m]</b>
	(ii) Senarai Negeri		
	F1	Undang-undang Islam	1
	F2	Tanah	1
	F3	Pertanian/ perhutanan	1
	F4	Kerajaan tempatan	1
	F5	Hari kelepasan negeri	1
	M.s. 70	[Mana-mana 1 x 1 m]	<b>[1 m]</b>

<b>Soalan</b>	<b>Perincian</b>		<b>Markah</b>
<b>3 (b)</b>	Jelaskan kerjasama sosioekonomi antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pembangunan tanah.		
	F1	Kerjasama peringkat awal kemerdekaan tertumpu kepada pembangunan pembukaan tanah baharu	1
	F2	Pembangunan <i>In-Situ</i>	1
	F3	Meneckan pembangunan fizikal desa	1
	F4	seperti penyediaan kemudahan asas/ rumah rakyat/ pusat pertubuhan ekonomi desa	1
	F5	Kerajaan Persekutuan menubuhkan Federal Land Development Authority (FELDA)/ Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	1
	F6	Untuk mengurus/ menyalur bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri	1
	F7	Menubuhkan Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA)/ Lembaga Penyatuan dan pemulihan Tanah Persekutuan	1
	F8	untuk menyatukan/ memulihkan/ membangunkan tanah kerajaan negeri terbiar	1
	F9	seperti Segitiga Jengka/ Felda Endau	1
	M.s.72	[Mana-mana 4 x 1 m]	<b>[4 m]</b>

Soalan	Perincian		Markah
3 (c)	Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mampu meningkatkan ekonomi negara. Jelaskan pernyataan tersebut.		
	F1	Mengusahakan kawasan tanah terbiar	1
	F2	Membangunkan ekonomi pertanian/ perikanan	1
	F3	Menjalankan penyelidikan bagi meningkatkan mutu pengeluaran	1
	F4	Hasil pengeluaran akan meningkat	1
	F5	Mengurangkan kadar pengangguran penduduk tempatan	1
	F6	Meluaskan kawasan pelaburan	1
	F7	Menarik pelabur asing untuk melabur dalam sektor ekonomi negara	1
	F8	Meningkatkan pembangunan industri tempatan (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]		<b>[4 m]</b>

4 Maklumat berikut merupakan dasar kerajaan yang bermatlamatkan perpaduan dan integrasi nasional.

- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Akta Bahasa Kebangsaan

Soalan	Perincian		Markah
4 (a)	Nyatakan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.		
	F1	Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang Dasar Kebudayaan Kebangsaan	1
	F2	Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima sebagai elemen penting	1
	F3	Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan	1
	M.s. 150 [Mana-mana 2 x 1 m]		<b>[2m]</b>

Soalan	Perincian		Markah
4 (b)	Apakah usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?		
	F1	Mewujudkan Akta Bahasa Kebangsaan/Akta 32	1
	F2	Alat untuk memupuk perpaduan.	1
	F3	Bahasa rasmi pentadbiran	1
	F4	Digunakan sepenuhnya di mahkamah pada tahun 1990	1
	F5	Memperkasakan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan	1
	F6	Dijadikan bahasa pengantar dalam sekolah menengah kebangsaan	1

**SULIT****1249/ 2 (PP)**

	F7	Sekolah Alam Shah/ Sekolah Seri Puteri/ Kolej Sultan Abdul Hamid	1
	F8	Menambah bilangan guru terlatih dalam bahasa Melayu di sekolah menengah kebangsaan/ guru khas untuk sekolah jenis kebangsaan	1
	F9	Menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	1
	F10	Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu/ pusat keilmuan	1
	F11	Memperkenalkan pengajian dalam pelbagai jurusan/ bidang kursus dalam bahasa Melayu	1
	F12	Menubuhkan Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM)/ Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)	1
	F13	Menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	1
	F14	Mengembangkan aktiviti bahasa/ sastera sebagai medium memupuk perpaduan	1
	F15	Menerbitkan buku/ majalah/ risalah/ menganjurkan seminar/ bengkel/ pelbagai kempen	1
	F16	Mengadakan bulan/ minggu bahasa.	1
	F17	Melaksanakan slogan “ Bahasa Jiwa Bangsa”	1
	M.s. 148 & 149	[Mana-mana 4 x 1 m]	<b>[4 m]</b>

Soalan	Perincian		Markah
4 (c)	Bagaimanakah dasar tersebut mampu mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional di negara kita?		
	F1	Bahasa Melayu sebagai bahasa utama/ bahasa kebangsaan/ bahasa perantaraan	1
	F2	Bahasa Melayu digunakan secara meluas	1
	F3	Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah	1
	F4	Menyemai sikap toleransi/ saling memahami	1
	F5	Menggunakan bahasa Melayu di semua agensi kerajaan	1
	F6	Masyarakat bersatu padu memelihara kebudayaan kebangsaan	1
	F7	Memupuk perasaan patriotisme terhadap negara	1
	F8	Mewujudkan komunikasi yang berkesan ke arah kesedaran kebangsaan (Mana-mana jawapan munasabah)	1
		[Mana-mana 4 x 1 m]	<b>[4 m]</b>

5 Maklumat berikut berkaitan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan. Pada peringkat awal ia adalah pemersekutuan sembilan kerajaan Melayu berdaulat dan dua Negeri Selat pada 21 Januari 1948 yang diikat melalui perjanjian persekutuan.

Sumber : <https://www.bharian.com.my>

Soalan	Perincian		Markah
5 (a)	Terangkan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.		
	F1	<b>Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union</b>	1
	H1a	Orang Melayu/ Raja-raja Melayu/ pemimpin UMNO berganding bahu membantah Malayan Union	1
	H1b	Ahli Parlimen British/ Gammans/ Rees Williams menyaksikan bantahan orang Melayu	1
	H1c	Gammans melaporkan keadaan di Tanah Melayu akan huru-hara sekiranya Malayan Union dilaksanakan	1
		[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>
	F2	<b>Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO</b>	1
	H2a	Raja-raja Melayu bertemu dengan Gabenor Jeneral/ Malcolm MacDonald / Gabenor Malayan Union/ Sir Edward Gent di Kuala Kangsar	1
	H2b	Mencadangkan persekutuan bertaraf naungan bukan jajahan	1
	H2c	Memohon perjanjian baharu menggantikan Malayan Union	1
	H2d	Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor	1
	H2e	Mencadangkan Raja berkuasa dalam perundangan	1
	H2f	Perkataan “Negeri-negeri Melayu” dimasukkan dalam persekutuan yang baru	1
	H2g	Sultan Perak menjadi jurucakap Raja-raja Melayu dengan mendesak British menerima usul pembentukan persekutuan	1
	H2h	Gammans/ Rees William menyampaikan surat bantahan ke Parlimen British	1
		[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>
	F3	<b>Sokongan Pentadbir British</b>	1
	H3a	Pegawai Tinggi British menyokong konsep persekutuan	1
	H3b	Sir Edward Gent/ Malcolm MacDonald/ Sir Ralph Hone / Gammans/ A.T Newboult/ Roland Braddell /W. Linehan/ Theodore Adams	1
	H3c	Sir Ralph Hone mencadangkan Raja-raja Melayu terlibat dalam pentadbiran berdasarkan perlombagaan	1

**SULIT****1249/ 2 (PP)**

	C3	Memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri/ Majlis Perundangan	1
	H3d	Sir Edward Gent membuat pertemuan dengan wakil UMNO di Pulau Pinang/ Kuala Lumpur	1
	H3e	Memberi peluang kepada Dato Onn/ Raja-Raja Melayu untuk mengemukakan cadangan balas	1
	H3f	British melaksanakan dasar dekolonisas	1
	H3g	Disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik	1
	M.s. 132-133	[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>
		<b>Mak</b>	<b>[4 m]</b>

Soalan	Perincian		Markah
5 (b)	Jelaskan isi kandungan perjanjian tersebut.		
	<b>F1</b>	<b>Pentadbiran</b>	1
	H1a	Menggabungkan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat	1
	H1b	Singapura kekal sebagai tanah jajahan British	1
	H1c	Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British	1
	H1d	Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan/ hal lain yang mempunyai kepentingan bersama	1
	H1e	Majlis Mesyuarat Persekutuan/ Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan	1
	H1f	Majlis Mesyuarat Persekutuan mempunyai ahli rasmi/ ahli tidak rasmi	1
	H1g	Pesuruhjaya Tinggi melantik ahli tidak rasmi	1
	H1h	Ahli Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum	1
		[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>
	<b>F2</b>	<b>Kuasa Raja-raja Melayu</b>	1
	H2a	Majlis Raja-Raja dibentuk untuk memberi pandangan	1
	H2b	Sultan berkuasa di peringkat negeri	1
	H2c	Bertanggungjawab mengesahkan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri	1
		[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>
	<b>F3</b>	<b>Perundangan</b>	1
	H3a	Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi	1
	H3b	Berkuasa dalam hal ehwal luar/ ketenteraman awam/ kehakiman/ perdagangan/ komunikasi/ percukaian	1
	H3c	Rang Undang-undang perlu diperkenan oleh Majlis Raja-Raja/ Raja-raja Melayu	1
		[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>

	<b>F4</b>	<b>Kewarganegaraan</b>	1
	H4a	Secara kuatkuasa undang-undang	1
	H4b	Jus soli hanya untuk rakyat Raja dan rakyat British	1
	H4c	Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja/ rakyat British	1
	H4d	Rakyat Raja/ mereka yang serasi/ memahami adat resam/ bertutur bahasa setempat boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan	1
	H4e	Secara pendaftaran	1
	H4f	Lahir di Persekutuan Tanah Melayu dan bermaustatin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonan	1
	H4g	Mempunyai tingkah laku baik/tiada rekod jenayah/ menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris/ bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu	1
	M.s. 134-135	[F + mana-mana 1H] <b>Mak</b>	<b>[2 m]</b> <b>[8 m]</b>

Soalan	Perincian	Markah
5 (c)	<p>Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mewujudkan kerjasama kaum dan membentuk identiti negara.</p> <p>Beri penjelasan anda</p> <p><b>Aras 4</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas            Bukti/contoh sangat sesuai            Membuat inferens yang tepat            Jawapan yang sangat mendalam/terperinci            Komunikasi/pengolahan sangat menarik            Menunjukkan kematangan</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mewujudkan kerjasama kaum</li> <li>- Memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum</li> <li>- Berlaku pembahagian kuasa dalam pemerintahan negara</li> <li>- Membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu</li> <li>- Orang Melayu / peribumi diiktiraf sebagai penduduk asal / diberi hak istimewa</li> <li>- seperti biasiswa / bantuan ekonomi / pemilikan tanah</li> <li>- Kepentingan kaum lain tidak diabaikan</li> <li>- Mengelakkan institusi pemerintahan beraja/ raja sebagai ketua negara</li> <li>- Mewujudkan Majlis Raja-Raja yang dianggotai sembilan orang raja</li> <li>- Membentuk sebuah negara yang berdaulat</li> </ul>	<b>7 - 8</b>

	<b>Aras 3</b>  Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik  <b>Contoh:</b> - <i>Mewujudkan kerjasama kaum.</i> - <i>Memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum.</i> - <i>Membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu.</i> - <i>Orang Melayu / peribumi diiktiraf sebagai penduduk asal / diberi hak istimewa.</i> - <i>seperti biasiswa / bantuan ekonomi / pemilikan tanah</i> - <i>Membentuk sebuah negara yang berdaulat.</i>	<b>5 - 6</b>
	<b>Aras 2</b>  Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas  <b>Contoh :</b> - <i>Mewujudkan kerjasama kaum.</i> - <i>Memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum.</i> - <i>Membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu.</i> - <i>Orang Melayu / peribumi diiktiraf sebagai penduduk asal / diberi hak istimewa.</i>	<b>3 - 4</b>
	<b>Aras 1</b>  Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum  <b>Contoh :</b> - <i>Mewujudkan kerjasama kaum.</i> - <i>Memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum.</i>	<b>1 - 2</b>

**Mak.** [8 m]

**SULIT****1249/2 (PP)**

6. Pilihan raya diadakan untuk membolehkan rakyat memilih wakil dalam membentuk kerajaan. Di negara kita, pilihan raya bermula dari peringkat majlis perbandaran diikuti peringkat negeri dan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

<b>Soalan</b>	<b>Perincian</b>		<b>Markah</b>
6 (a)	Jelaskan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.		
	F1	Penubuhan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan	1
	F2	Berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya (26 April 1954)	1
	F3	Meluluskan Rang Undang-undang bagi membolehkan pilihan raya diadakan (Ogos 1954)	1
	F4	Pendaftaran pengundi mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu/ Terengganu bermula 29 Oktober 1954	1
	F5	Penamaan calon (15 Jun 1955)	1
	F6	Kempen pilihan raya selama 45 hari	1
	F7	Hari mengundi (27 Julai 1955)	1
	F8	Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi	1
	F9	Proses pengiraan undi dilakukan	1
	F10	Pengumuman keputusan	1
	M.s 200	[Mana-mana 6 x 1 m]	<b>[6 m]</b>

<b>Soalan</b>	<b>Perincian</b>		<b>Markah</b>
6 (b)	Jelaskan syarat-syarat untuk menjadi calon dan pengundi dalam pilihan raya tersebut.		
		<b>Syarat untuk menjadi calon</b>	
	F1	Warganegara Persekutuan Tanah Melayu	1
	F2	Berumur 21 tahun ke atas	1
	F3	Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu	1
	F4	Dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon	1
	F5	Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris	1
	F6	Berpengetahuan dalam bahasa Melayu	1
		<b>Syarat untuk menjadi pengundi</b>	
	F7	Warganegara Persekutuan Tanah Melayu	1
	F8	Berumur 21 tahun ke atas	1
	F9	Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu	1
	F10	Dalam tempoh enam bulan terdahulu	1
	F11	Pengundi yang tinggal dari tarikh 17 Oktober 1954/ 28 Oktober 1954 bagi negeri Terengganu	1
	F12	Layak memohon sebagai pengundi	1
	M.s 200	[Mana-mana 6 x 1 m]	<b>[6 m]</b>

Soalan	Perincian	Markah
6 (c)	<p>Sejauh manakah pilihan raya penting dalam sistem demokrasi di negara kita?</p> <p><b>Aras 4</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Dapat memilih wakil yang berintegriti</i></li> <li>- <i>Pemimpin yang mempunyai jati diri yang teguh</i></li> <li>- <i>Boleh menggunakan hak mereka untuk menentukan tumpuk pemerintahan negara</i></li> <li>- <i>Seperti memilih wakil / ADUN dalam Dewan Rakyat</i></li> <li>- <i>Memberi peluang yang adil kepada rakyat</i></li> <li>- <i>Mengambil bahagian dalam politik tempatan</i></li> <li>- <i>Mendidik pemimpin agar bertanggungjawab apabila diberikan mandat/ kuasa</i></li> <li>- <i>Menjamin pemerintahan yang adil/ saksama</i></li> <li>- <i>Setiap individu akan dilindungi kedudukannya</i></li> <li>- <i>Memastikan amalan demokrasi diamalkan dengan baik</i></li> </ul> <p><b>Aras 3</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Dapat memilih wakil yang berintergriti</i></li> <li>- <i>Pemimpin yang mempunyai jati diri yang teguh</i></li> <li>- <i>Boleh menggunakan hak mereka untuk menentukan tumpuk pemerintahan negara</i></li> <li>- <i>Seperti memilih wakil / ADUN dalam Dewan Rakyat</i></li> <li>- <i>Memberi peluang yang adil kepada rakyat</i></li> <li>- <i>Memastikan amalan demokrasi diamalkan dengan baik</i></li> </ul>	7 - 8
		5 - 6

	<b>Aras 2</b>  Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas  <b>Contoh :</b> - <i>Dapat memilih wakil yang berintergriti</i> - <i>Pemimpin yang mempunyai jati diri yang teguh</i> - <i>Boleh menggunakan hak mereka untuk menentukan tumpuk pemerintahan negara</i> - <i>Memberi peluang yang adil kepada rakyat</i>	<b>3 - 4</b>
	<b>Aras 1</b>  Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum  <b>Contoh :</b> <i>Dapat memilih wakil yang berintergriti</i> <i>Pemimpin yang mempunyai jati diri yang teguh</i>	<b>1 - 2</b>
		<b>Mak.</b> <b>[8 m]</b>

7

Kedudukan Yang di-Pertuan Agong satu-satunya jawatan unik di dunia. Yang di-Pertuan Agong dipilih Majlis Raja-Raja dalam kalangan sembilan Raja Melayu bagi tempoh lima tahun, sekali gus tidak memegang jawatan itu seumur hidup seperti raja lain di dunia. Institusi Yang di-Pertuan Agong sangat signifikan bagi rakyat kerana ia disanjung tinggi dan berperanan penting dalam kestabilan politik, ekonomi serta sosial negara. Ia bukan hanya bersifat *ceremonial* dan *rubber stamp*, sebaliknya institusi tertinggi berdasarkan Perlembagaan bagi mengetuai Persekutuan Malaysia.

Sumber : <https://www.bharian.com.mv>

Soalan	Perincian		Markah
7 (a)	Jelaskan fungsi Majlis Raja-Raja?		
	F1 Mempunyai kuasa dalam sistem Raja Berpelembagaan	1	
	F2 Bertindak menggunakan budi bicara dalam melaksanakan fungsinya	1	
	F3 Memilih Yang di-Pertuan Agong/ Timbalan Yang di-Pertuan Agong	1	
	F4 Bersetuju/ tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja	1	
	F5 Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu	1	
	F6 Menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera di	1	

	F7	Sarawak/ Sabah/ kepentingan sah kaum lain		
	F8	Menjadi Lembaga Pengampun dalam kes-kes tertentu	1	
	F9	Memperkenankan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan	1	
	M.s. 44-45	Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu	1	
			<b>Mak.</b>	<b>[4 m]</b>

Soalan	Perincian			Markah
7 (b)	Huraikan bidang tugas Yang di-Pertuan Agong dalam pemerintahan negara kita.			
	<b>F1</b> H1	<b>Kuasa Eksekutif</b> Bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri	1 1	
	<b>F2</b> H2a	<b>Melantik Perdana Menteri/ Jemaah Menteri</b> Melantik seorang ahli Dewan Rakyat yang pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri	1 1	
	H2b	Baginda dengan nasihat Perdana Menteri melantik menteri/ timbalan menteri daripada Ahli Dewan Rakyat/ Dewan Negara	1	
	<b>F3</b> H3a	<b>Pelantikan jawatan penting</b> Melantik Peguam Negara/ Panglima Angkatan Tentera/ Ketua Audit Negara	1 1	
	H3b	Melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya/ Ahli Suruhanjaya Polis/ sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera	1	
	<b>F4</b> H4a	<b>Ketenteraan</b> Merupakan pemerintah tertinggi dalam Angkatan Tentera Malaysia	1 1	
	H4b	Baginda dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera yang bertanggungjawab di bawah kuasa baginda bagi pemerintahan/ tata tertib/ pentadbiran angkatan tentera/ perkara yang bersangkutan dengan gerakan tentera	1	
	<b>F5</b> H5a	<b>Diplomatik</b> Melantik diplomat Malaysia ke luar negara	1 1	
	H5b	Menerima menghadap diplomat asing sebelum mereka menjalankan tugas di Malaysia	1	
	<b>F6</b> H6	<b>Kuasa Perundangan</b> Memperkenankan sesuatu Rang Undang-Undang yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat/	1 1	

	Dewan Negara	[F + H]	<b>[2 m]</b>
<b>F7</b>	<b>Persidangan Parlimen</b>	1	
H7a	Mempunyai kuasa memanggil parlimen bersidang	1	
H7b	Berkuasa memberhentikan/ membubarkan Parlimen	1	
	[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>	
<b>F8</b>	<b>Agama</b>	1	
H8a	Merupakan Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri/ Wilayah Persekutuan/ Melaka/ Pulau Pinang/ Sarawak/ Sabah	1	
H8b	Ketua Agama Islam di negeri lain ialah sultan/ raja yang memerintah negeri masing-masing	1	
	[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>	
<b>F9</b>	<b>Hak dan Keistimewaan</b>	1	
H9a	Bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimeawa orang Melayu/ bumiputera di Sarawak/ Sabah	1	
H9b	Bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum yang lain	1	
	[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>	
<b>F10</b>	<b>Membuat pengisytiharan Darurat</b>	1	
H10	Pengisytiharan darurat dibuat setelah baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan mengancam keselamatan awam/ ekonomi negara	1	
	[F + H]	<b>[2 m]</b>	
<b>F11</b>	<b>Kuasa Kehakiman</b>	1	
H11a	Melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri setelah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan berunding dengan Majlis Raja-Raja	1	
H11b	Hakim Mahkamah Atasan terdiri daripada Ketua Hakim Negara/ Presiden Mahkamah Rayuan/ Hakim Mahkamah Tinggi	1	
	[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>	
<b>F12</b>	<b>Kuasa Pengampunan</b>	1	
H12a	Hal jenayah yang berkaitan di Wilayah Persekutuan, seseorang yang sudah dihukum boleh memohon keampunan daripada Yang di-Pertuan Agong	1	
H12b	Baginda akan bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan	1	
H12c	Baginda berkuasa mengampunkan/ menangguhkan/ meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera/ Mahkamah Syariah di Melaka/ Pulau Pinang/ Sarawak/ Sabah/ Wilayah Persekutuan	1	
	[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>	
M.s. 48-49	<b>Mak.</b>	<b>[8 m]</b>	

Soalan	Perincian	Markah
7 (c)	<p>Sistem Raja Berpelembagaan perlu dipertahankan dalam pemerintahan negara kita. Jelaskan pernyataan ini.</p> <p><b>Aras 4</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Sultan/ Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara</i></li> <li>- <i>Menjadi tumpuan taat setia rakyat</i></li> <li>- <i>Warisan turun temurun sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka</i></li> <li>- <i>Merupakan simbol perpaduan rakyat</i></li> <li>- <i>Mengekalkan keharmonian rakyat</i></li> <li>- <i>Memelihara hak istimewa orang Melayu/ bumiputera/ kepentingan sah kaum lain</i></li> <li>- <i>Memelihara kesucian agama Islam</i></li> <li>- <i>Seperti raja/ sultan merupakan ketua agama Islam di negeri masing-masing</i></li> <li>- <i>Menjamin keamanan negara</i></li> <li>- <i>Lambang kedaulatan sesebuah negara</i></li> </ul>	7 - 8
	<p><b>Aras 3</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Sultan/Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara</i></li> <li>- <i>Menjadi tumpuan taat setia rakyat</i></li> <li>- <i>Warisan turun temurun sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka</i></li> <li>- <i>Memelihara kesucian agama Islam</i></li> <li>- <i>Seperti raja/ sultan merupakan ketua agama Islam di negeri masing-masing</i></li> <li>- <i>Lambang kedaulatan sesebuah negara</i></li> </ul>	5 - 6

	<b>Aras 2</b>  Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum Menyatakan hujah secara ringkas  <b>Contoh :</b> - <i>Sultan/Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara</i> - <i>Menjadi tumpuan taat setia rakyat</i> - <i>Warisan turun temurun sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka</i> - <i>Memelihara kesucian agama Islam</i>	<b>3 - 4</b>
	<b>Aras 1</b>  Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum  <b>Contoh :</b> - <i>Sultan/Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara</i> - <i>Menjadi tumpuan taat setia rakyat</i>	<b>1 - 2</b>
		<b>Mak.</b> <b>[8 m]</b>

- 8 Pembentukan Malaysia memperlihatkan kerjasama tokoh dari Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura. Kesepakatan antara semua pihak ini berjaya melahirkan sebuah negara yang gah dan masyhur dari segi politik, ekonomi, dan sosial.

Soalan	Perincian		Markah
8 (a)	Jelaskan idea pembentukan Malaysia oleh penduduk tempatan.		
	<b>F1</b> <b>Majalah Al-Imam</b> H1a Menggesa penyatuan raja/orang Melayu dalam pendidikan H1b Pembangunan ekonomi di Alam Melayu.  [F + mana-mana 1H]	1 1 1  <b>[2m]</b>	
	<b>F2</b> <b>Dr. Burhanuddin al-Helmi</b> H2a Memperjuangkan konsep Melayu Raya bersama tokoh nasionalis Ibrahim Haji Yaakob/ Harun Aminurrashid/ Ahmad Boestamam/ Ishak Haji Muhamad (Pak Sako) H2b Idea menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia H2c Idea tidak berhasil apabila Presiden Soekarno mengisyiharkan kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945 tanpa melibatkan Tanah Melayu  [F + mana-mana 1H]	1 1 1  <b>[2m]</b>	
	<b>F3</b> <b>Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj</b> H3a Mencadangkan penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak/ Sabah/ Singapura/ Brunei dalam ucapan Persidangan Agung UMNO 1955. H3b 10 Jun 1960 memaklumkan kepada Lord Perth berminat untuk bergabung dengan Sarawak/ Sabah/ Brunei/ Singapura  [F + mana-mana 1H]	1 1 1  <b>[2m]</b>	
	<b>F4</b> <b>Datu Mustapha Datu Harun</b> H4a Menyatakan minat untuk membawa Sabah bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu H4b Dalam satu pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur pada tahun 1958  [F + mana-mana 1H]	1 1 1  <b>[2m]</b>	
	M.s. 92	<b>Mak.</b>	<b>[4 m]</b>

Soalan	Perincian		Markah
8(b)	Terangkan langkah-langkah pembentukan Malaysia.		
	<b>F1</b>	<b>Lawatan ke negeri-negeri yang terlibat</b>	1
	H1a	Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak/ Brunei	1
	H1b	Meninjau/ bertemu dengan pemimpin tempatan	1
	H1c	Bagi menerangkan rancangan pembentukan Malaysia	1
	H1d	Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengatur lawatan pemimpin Sarawak/ Sabah ke Persekutuan Tanah Melayu	1
	H1e	Datu Bandar Abang Haji Mustafa/ Temenggung Jugah Anak Barieng/ Donald Stephens/ Datu Mustafa Datu Harun meninjau kemajuan di Persekutuan Tanah Melayu	1
	H1f	Lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sarawak/ Sabah	1
	H1g	Rombongan Dr Burhanuddin al Helmi/ Ghafar Baba ke Sarawak/ Sabah	1
	H1h	Menunjukkan kesepakatan ahli politik di Tanah Melayu	1
	H1i	Menjelaskan gambaran sebenar tentang rancangan Malaysia	1
	[F + mana-mana 1H]		<b>[2 m]</b>
	<b>F2</b>	<b>Penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)</b>	1
	H2a	Mengadakan mesyuarat sebanyak empat kali	1
	H2b	Di Jesselton/ Kuching/ Kuala Lumpur/ Singapura	1
	H2c	Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia	1
	H2d	Menyediakan ruang perbincangan/ kata sepakat	1
	H2e	Mengumpulkan pandangan tentang pembentukan Malaysia	1
	H2f	Menyebarluaskan maklumat berkaitan dengan Malaysia	1
	H2g	Memupuk aktiviti penghebahan dan mempercepat pembentukan Malaysia	1
	H2h	Mendedahkan perkembangan kemajuan dalam pentadbiran/ projek pembangunan di persekutuan Tanah Melayu	1
	H2i	Terdiri daripada wakil pemimpin dari Persekutuan Tanah Melayu/ Singapura/ Sarawak/ Sabah	1
	H2j	Memainkan peranan memberi kefahaman kepada pemimpin tempatan/ mendapatkan sokongan	1
	H2k	Donald Stephens dilantik menjadi pengurus	1
	H2l	Dalam mesyuarat kedua, JSKM membuat keputusan menyokong rancangan Malaysia	1
	[F+mana-mana 1H]		<b>[2 m]</b>

	<b>F3</b>	<b>Referendum Singapura</b>	1
	H3a	Rundingan antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura pada Ogos hingga September 1962	1
	H3b	Menghasilkan persetujuan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia	1
	H3c	Satu referendum diadakan di Singapura pada awal bulan September 1962 menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia	1
	H3d	Keputusan referendum mendapati rakyat Singapura bersetuju bergabung membentuk Malaysia	1
	H3e	Syarat yang ditetapkan oleh kerajaan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu	1
	H3f	Keputusan ini membolehkan Singapura menyertai Malaysia	1
		[F+mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>
	<b>F4</b>	<b>Rundingan London</b>	1
	H4a	Rundingan berhubung pembentukan Malaysia di London pada bulan November 1961	1
	H4b	Antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan British	1
	H4c	Kedua-dua kerajaan bersetuju menubuhkan sebuah suruhanjaya	1
	H4d	Bagi meninjau reaksi penduduk Sarawak/ Sabah	1
		[F+mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>
	<b>F5</b>	<b>Suruhanjaya Cobbold</b>	1
	H5a	Mengandungi wakil yang dilantik oleh kerajaan British/ wakil Persekutuan Tanah Melayu	1
	H5b	Dipengerusikan oleh Lord Cobbold	1
	H5c	Ahli terdiri daripada Sir Anthony Abell/ Sir David Watherston/ Muhammad Ghazali Shafie/ Wong Pow Nee	1
	H5d	Melawat 35 pusat/ 20 pusat lawatan di Sarawak/ 15 pusat lawatan di Sabah	1
	H5e	Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu pada Jun 1962	1
	H5f	Menyatakan dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia	1
	H5g	Mengesyorkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas perlembagaan yang baharu	1
	H5h	Mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri berkenaan	1
		[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>

	<b>F6</b>	<b>Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)</b>	1
	H6a	Jawatankuasa ini diwakili oleh British/ Persekutuan Tanah Melayu/ Sarawak/ Sabah	1
	H6b	Bertujuan menyediakan rangka perlembagaan dan membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak/ Sabah	1
	H6c	Dipengerusikan oleh Lord Lansdowne/ Menteri Tanah Jajahan	1
	H6d	Timbalan pengurus ialah Tun Abdul Razak Hussein	1
	H6e	Wakil Sarawak ialah Ketua Setiausaha/ Peguam Negeri/ Setiausaha Kewangan/ Datu Bandar Abang Haji Mustapha/ Temenggong Jugah Anak Barieng/ Pengarah Montegrai/ Ling Beng Siew/ Chia Chin Sin	1
	H6f	Wakil Sabah terdiri daripada Ketua Setiausaha/ Peguam Negeri/ Setiausaha Kewangan/ Datu Mustapha Datu Harun/ Donald Stephens/ Koo Siak Chiew	1
	H6g	JAK mempunyai lima jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Perlembagaan/Kewangan/ Perkhidmatan Awam/ Perundangan dan Kehakiman/ Organisasi Jabatan	1
	H6h	Mengadakan mesyuarat pertama di Jesselton (Kota Kinabalu) pada 30 Ogos 1962	1
	H6i	Mesyuarat terakhir di Kuala Lumpur pada 18 hingga 20 September 1962	1
	H6j	Mengusulkan 18 perkara bagi Sarawak	1
	H6k	Mengusulkan 20 perkara bagi Sabah yang perlu dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan	1
	H6l	Untuk menjamin hak serta kepentingan rakyat Sarawak/ Sabah	1
	H6m	Perkara yang menjadi teras perlembagaan ialah Islam agama Persekutuan Malaysia tetapi dikecualikan kepada Sarawak/ Sabah	1
	H6n	Bahasa Melayu bahasa rasmi Persekutuan Malaysia tetapi Bahasa Inggeris juga digunakan sebagai bahasa rasmi di Sarawak dan Sabah	1
	H6o	Sistem pendidikan dikekalkan di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan kecuali di Sarawak/ Sabah	1
	H6p	Sistem pendidikan di Sarawak/ Sabah kekal di bawah Kerajaan Negeri sehingga Majlis Negeri membuat pindaan	1
	H6q	24 kerusi parlimen diperuntukkan kepada Sarawak/ 16 kerusi kepada Sabah/ 15 kerusi kepada Singapura	1
	H6r	Kuasa Imigresen terletak di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi Sarawak dan Sabah diberi kuasa tersendiri untuk mengendalikan hal ehwal imigresen	1
M.s. 98-102		[F+mana-mana 1H] <b>Mak.</b>	<b>[2 m]</b> <b>[8 m]</b>

Soalan	Perincian	Markah
8(c)	<p>Pada pandangan anda, apakah kebaikan pembentukan Malaysia kepada rakyat pada masa ini?</p> <p><b>Aras 4</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Kemantapan dan kecekapan pentadbiran</i></li> <li>- <i>Menyeimbangkan nisbah penduduk</i></li> <li>- <i>Menyatupadukan penduduk yang berbilang kaum</i></li> <li>- <i>Seperti Melayu/ Cina/ India/ Iban/Bidayuh/ Kadazan Dusun/ Bajau</i></li> <li>- <i>Terdiri daripada pelbagai agama/ budaya/ bangsa</i></li> <li>- <i>Malaysia muncul sebagai negara yang kaya dengan pelbagai warisan kebudayaan</i></li> <li>- <i>Menarik pelancong dari dalam dan luar negara</i></li> <li>- <i>Menjana pendapatan negara</i></li> <li>- <i>Rakyat hidup sejahtera</i></li> <li>- <i>Menaikkan imej negara</i></li> </ul> <p><b>Aras 3</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik</p> <p><b>Contoh:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Kemantapan dan kecekapan pentadbiran</i></li> <li>- <i>Menyeimbangkan nisbah penduduk</i></li> <li>- <i>Menyatupadukan penduduk yang berbilang kaum</i></li> <li>- <i>Seperti Melayu/ Cina/ India/ Iban/Bidayuh/ Kadazan Dusun/ Bajau</i></li> <li>- <i>Terdiri daripada pelbagai agama/ budaya/ bangsa</i></li> <li>- <i>Menaikkan imej negara</i></li> </ul> <p><b>Aras 2</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas.</p>	7 - 8
		5 - 6
		3 - 4

	<b>Contoh :</b> - <i>Kemantapan dan kecekapan pentadbiran</i> - <i>Menyeimbangkan nisbah penduduk</i> - <i>Menyatupadukan penduduk yang berbilang kaum</i> - <i>Terdiri daripada pelbagai agama/ budaya/ bangsa</i>	
	<b>Aras 1</b> Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum.  <b>Contoh :</b> - <i>Kemantapan dan kecekapan pentadbiran</i> - <i>Menyeimbangkan nisbah penduduk</i>	<b>1 - 2</b>
		<b>Mak.</b> <b>[8 m]</b>

- 9** Dasar luar Malaysia memasuki fasa baharu sejak tahun 1970-an. Perubahan yang berlaku dalam ekonomi, sosial dan politik pada peringkat antarabangsa turut memberikan kesan kepada negara kita.

Soalan	Perincian		Markah
9 (a)	Jelaskan cabaran dalam menguahkan dasar luar Malaysia.		
	<b>F1</b> H1a <b>Cabaran politik antarabangsa</b> Mengamalkan dasar berkecuali dengan negara luar tanpa mengira ideologi	1	
	H1b      Menjalinkan hubungan dengan negara China	1	
	H1c      melalui lawatan oleh Tun Abdul Razak Hussein	1	
	[F + mana-mana 1H]		<b>[2 m]</b>
	<b>F2</b> H2a <b>Cabaran politik serantau</b> Peluasan komunis di Indochina menyebabkan rantau Asia Tenggara tidak stabil	1	
	H2b      Berlaku kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara	1	
	H2c      Malaysia turut terkesan dengan perkembangan tersebut	1	
	H2d      Malaysia menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia	1	
	H2e      Membincangkan pergolakan di Indochina/ masa hadapan rantau Asia Tenggara	1	
	[F + mana-mana 1H]		<b>[2 m]</b>
	<b>F3</b> H3a <b>Cabaran Keselamatan dan Pertahanan</b> Perjanjian antara Malaysia dengan Britain/ Anglo-Malaysian Defence Agreement (AMDA) ditamatkan	1	
		1	

	H3b	Malaysia menandatangani perjanjian baharu/ Perjanjian Pertahanan Lima Negara/ Five Power Defence Arrangements (FPDA)	1
	H3c	Melibatkan Malaysia/ Singapura/ Britain/ New Zealand/ Australia	1
	H3d	Malaysia memperoleh bantuan teknikal/ latihan bersama	1
	H3e	Memperkuuh pertahanan/ keselamatan melalui FPDA	1
	H3f	Malaysia bekerjasama dengan negara ASEAN dalam memperkuat pertahanan/ keselamatan rantau Asia Tenggara	1
	H3g	Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN diadakan bagi membincangkan kerjasama ini	1
	H3h	Malaysia menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand bagi menangani isu keselamatan	1
		[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>
	<b>F4</b>	<b>Cabaran pembangunan ekonomi</b>	1
	H4a	Wujud dominasi negara maju	1
	H4b	Bagi menentukan harga komoditi bijih timah/ getah/ hasil minyak/ gas negara	1
	H4c	Malaysia menjadi anggota pertubuhan antarabangsa	1
	H4d	International Tin Council (OTC)/ Majlis Timah Antarabangsa/ General Agreement on Tariffs and Trade (GATT)/ Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan	1
	H4e	Malaysia mendesak agar harga barang dapat dikawal	1
	H4f	Bagi membolehkan Malaysia memperoleh hasil daripada minyak/ gas	1
	H4g	Malaysia menujuhan PETRONAS untuk membangunkan sektor minyak/ gas negara	1
	H4h	Perjanjian Berkongsi Pengeluaran Carigali dan Kemajuan Perusahaan Minyak antara Petronas dengan ESSO	1
		[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>
	M.s. 208-209		<b>Mak.</b> <b>[6 m]</b>

Soalan	Perincian		Markah
9 (b)	<p>Malaysia mempunyai peranan penting dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).</p> <p>Bincangkan.</p>		
	<p><b>F1</b> <b>Mengisyiharkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali/ ZOPFAN</b></p> <p>H1a Menjalinkan hubungan dengan China H1b Menjadikan ASEAN sebagai platform terpenting untuk mengisyiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau/ global H1c Mendapatkan pengiktirafan daripada kuasa besar Amerika Syarikat/ Rusia/ China</p>	1 1 1 1 1	[F + mana-mana 1H] <b>[2 m]</b>
	<p><b>F2</b> <b>Penyelesaian konflik serantau</b></p> <p>H2a Malaysia terlibat menyelesaikan konflik politik yang berlaku di Indochina H2b Ancaman komunis/ pelarian di Vietnam/ Kemboja H2c Menyeru kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam H2d Menyelesaikan isu di Kemboja melalui pilihan raya pada tahun 1993 H2e Menghantar pasukan pengamanan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)/ Misi UNTAC</p>	1 1 1 1 1	[F + mana-mana 1H] <b>[2 m]</b>
	<p><b>F3</b> <b>Kerjasama ekonomi</b></p> <p>H3a Memulakan Projek Industri ASEAN (AIP) pada tahun 1978 H3b Berjaya menghasilkan pengeluaran baja urea di Indonesia (1984)/ Malaysia (1986) H3c Mengeluarkan baja fosfat dan kuprum di Filipina H3d Menghasilkan serbuk soda di Thailand H3e Mempromosikan/ menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN H3f Mewujudkan satu pasaran tunggal ASEAN yang bebas H3g Penggunaan mata wang ASEAN H3h Meningkatkan perdagangan antara negara ASEAN/ Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) H3i Menawarkan pemotongan cukai ke atas pelbagai jenis produk keluaran negara anggota ASEAN</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	[F + mana-mana 1H] <b>[2 m]</b>
	<p><b>F4</b> <b>Kerjasama sosial</b></p> <p>H4a Melalui penubuhan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara / SEAMEO H4b Kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan pendidikan/ pertukaran pelajar/ penubuhan pusat serantau</p>	1 1 1	

**SULIT****1249/ 2 (PP)**

	pendidikan C4a Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik/ RECSAM di Pulau Pinang H4c Kerjasama dalam bidang kebudayaan H4d Penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN C4b Mengadakan festival kebudayaan / kesenian H4e Melaksanakan Sukan SEA H4f Menjalinkan kerjasama dalam sukan	1 1 1 1 1 1 1
M.s. 210-211	[F + mana-mana 1H]	<b>[2 m]</b>  <b>Mak.</b>

Soalan	Perincian	Markah
9 (c)	Kebijaksanaan pemimpin berjaya memperkuuh dasar luar negara kita. Ulas pernyataan ini.  <b>Aras 4</b>  Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/terperinci Komunikasi/pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan  <b>Contoh:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Memelihara kepentingan negara dalam pelbagai aspek</i></li> <li>- <i>Mewujudkan kestabilan politik/ ekonomi/ sosial</i></li> <li>- <i>Menarik pelabur luar/ asing untuk melabur di negara kita dalam pelbagai sektor</i></li> <li>- <i>Seperti pertanian/ perindustrian/ perdagangan</i></li> <li>- <i>Menggalakkan pertukaran idea/ perkongsian teknologi</i></li> <li>- <i>Mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja/ tenaga buruh</i></li> <li>- <i>Meningkatkan produktiviti negara</i></li> <li>- <i>Mengadakan kerjasama/ persepakatan/ tolak ansur antara pemimpin</i></li> <li>- <i>Hubungan dengan negara lain akan menjadi erat</i></li> <li>- <i>Mengekalkan kedaulatan negara</i></li> </ul>	<b>7 - 8</b>
	<b>Aras 3</b>  Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi/pengolahan menarik	<b>5 - 6</b>

	<p><b>Contoh:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Memelihara kepentingan negara dalam pelbagai aspek</i></li> <li>- <i>Mewujudkan kestabilan politik/ ekonomi/ sosial</i></li> <li>- <i>Menarik pelabur luar/ asing untuk melabur di negara kita dalam pelbagai sektor</i></li> <li>- <i>Seperti pertanian/ perindustrian/ perdagangan</i></li> <li>- <i>Menggalakkan pertukaran idea/ perkongsian teknologi</i></li> <li>- <i>Mengekalkan kedaulatan negara</i></li> </ul>	
	<p><b>Aras 2</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas</p> <p><b>Contoh :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Memelihara kepentingan negara dalam pelbagai aspek</i></li> <li>- <i>Mewujudkan kestabilan politik/ ekonomi/ sosial</i></li> <li>- <i>Menarik pelabur luar/ asing untuk melabur di negara kita dalam pelbagai sektor</i></li> <li>- <i>Menggalakkan pertukaran idea/ perkongsian teknologi</i></li> </ul>	<b>3 - 4</b>
	<p><b>Aras 1</b></p> <p>Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum</p> <p><b>Contoh</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Memelihara kepentingan negara dalam pelbagai aspek</i></li> <li>- <i>Mewujudkan kestabilan politik/ ekonomi/ sosial</i></li> </ul>	<b>1 - 2</b>
		<b>Mak.</b> <b>[8 m]</b>

### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT